

BAB TIGA

PANDANGAN MASYARAKAT MELAYU TERHADAP GENDER DAN POLITIK

Konsep kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu adalah berlainan daripada masyarakat lain. Para pemikir dari Barat gagal mengaitkan dan menafsirkan perbezaan permasalahan-permasalahan sosial-ekonomi-politik dalam kontek masyarakat Melayu di Malaysia.¹ Golongan antropologi di Barat membuat tanggapan umum bahawa pembahagian kerja dalam arena domestik dan publik dalam sesebuah masyarakat itu adalah sama dengan masyarakat yang lain. Lazimnya kerja-kerja domestik dianggap mempunyai kurang nilai berbanding dengan kerja-kerja publik. Idea pembebasan wanita daripada Barat telah mengabaikan faktor sosio-budaya wanita tempatan yang berhadapan dengan suasana dan realiti yang berbeza. Seharusnya para pengkaji perlu mengambil kira bahawa dalam sesetengah masyarakat perbezaan di antara peranan domestik dan awam bagi wanita dan lelaki mungkin tidak wujud.

3.1. Tanggapan Gender Dalam Masyarakat Melayu

Dalam masyarakat Melayu, peranan gender dibentuk dan dibangunkan oleh budaya yang meletakkan peranan sosial dan tingkah laku seorang itu bergantung kepada ekspektasi masyarakat. Menurut Wan Abdul Kadir (1998), penilaian gender dalam sistem *world-view* tradisional wujud akibat daripada konstruk budaya di dalam sesebuah

¹ Groot, J., "Conception and Misconception : The Historical and Cultural Context of Discussion on Women and Development", dalam Afshar H. (pnyt), **Women, Development and Survival in the 3rd World**, New York, Longman, 1991, m.s. 108.

masyarakat.² Wan Abdul Kadir (1998) menyokong pandangan Stokhard & Johnson (1992) yang mendakwa bahawa konstruk gender terbentuk oleh persepsi masyarakat dan proses sosial.³ Rentetan itu, ia mewujudkan ekspektasi tingkahlaku yang berlainan di antara lelaki dan wanita. Ia bukan saja membezakan lelaki dan wanita tetapi menggariskan jurang perbezaan yang besar antara kegiatan yang boleh dilakukan oleh mereka. Argawal (1990) menegaskan, ketetapan sesuatu peranan yang perlu dimainkan oleh individu adalah akibat daripada proses sosialisasi yang bermula sejak bayi lagi.⁴ Pengaruh budaya dalam menentukan sesuatu peranan itu dibentuk melalui interaksi-interaksi yang berlaku di rumah, di tempat kerja atau dalam sesebuah institusi lain yang tidak dapat dielakkan.

Dalam realiti kehidupan masyarakat Melayu, kedudukan wanita dan lelaki dikaitkan dengan penonjolan biologi.⁵ Menurut Wan Abdul Kadir (1998) lagi, lelaki dilihat lebih kuat fizikalnya manakala wanita harus bersikap lemah lembut. Beliau turut mengakui bahawa pembentukan struktur budaya masyarakat Melayu telah meletakkan wanita di tahap yang lebih rendah daripada kaum lelaki.⁶

Pola penyertaan wanita di dalam bidang-bidang pendidikan, ekonomi, pekerjaan dan politik mencerminkan adanya perbezaan layanan dalam hubungan gender. Menurut

² Wan Abdul Kadir, "Nilai dan World-View Orang Melayu Tentang Gender", dalam Rokiah Talib dan Shanthi Thambiah (pnyt), **Gender, Budaya dan Masyarakat**, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1998, m.s. 2 - 13.

³ Stockhard J. & Miriam M. Johnson, **Sex and Gender In Society**, New Jersey, Prentice Hall, 1992, m.s. 10.

⁴ Sila lihat rujukan mengenai hal ini di dalam Rashila Ramli, "Pembangunan Politik dan Gender", m.s. 159.

⁵ Wan Abdul Kadir, "Nilai dan World-View Orang Melayu Tentang Gender", m.s. 2.

⁶ Ibid.

West & Zimmerman (1991) gender merupakan satu konstruk budaya dan sosial, yang meletakkan identiti wanita pada kedudukan subordinat bagi lelaki.⁷ Wanita diletakkan di rumah untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai penjaga atau pengurus rumah tangga. Peranan yang diberikan ini kemungkinan merupakan satu faktor yang menghalang wanita untuk turut bergerak secara aktif dalam ekonomi dan politik di luar institusi keluarga.

3.2. Proses Sosial Yang Berbeza

Proses sosialisasi kanak-kanak perempuan di dalam masyarakat Melayu adalah berbeza daripada kanak-kanak lelaki. Anak perempuan dijaga dengan ketat serta penuh dengan pelbagai pantang larang. Mereka tidak dibenarkan ketawa berlebihan, tidak boleh bergaul dengan lelaki selepas umur 10 tahun atau bertegur sapa.⁸ Ibubapa adalah '*role model*' utama kanak-kanak dan bertanggungjawab memainkan peranan untuk mengembangkan peranan dan hubungan gender kanak-kanak. Mereka memainkan peranan penting untuk memberi gambaran tentang apa yang perlu dilakukan oleh kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan. Kerap kali perbezaan peranan ini digambarkan melalui tanggungjawab di dalam melakukan kerja-kerja domestik dan kerja-kerja di luar rumah. Ibu sering dibebankan dengan tugas-tugas untuk menjaga kebajikan keluarga seperti menyediakan keperluan makanan atau mengemas rumah. Manakala bapa pula membaca suratkhabar atau menonton televisyen semasa berada di rumah.⁹ Akibatnya anak-anak perempuan dimomok dan dipertanggungjawab untuk menolong ibu dengan kerja-kerja domestik sementara anak-anak lelaki tertumpu kepada persediaan yang

⁷ West C. & Zimmerman, D.H., "Doing Gender", m.s. 13.

⁸ Aishah Ghani, **Memoir Seorang Pejuang**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, m.s. 2.

⁹ Sapiro, V., **The Political Intergration of Women: Roles, Socialisation and Politics**, London, University of Press, 1984, m.s. 37.

berkaitan dengan pekerjaan luar rumah.¹⁰ Malah kadangkala para ibu memberi tugas kepada kanak-kanak perempuan agar menyiapkan makanan pagi, membasuh dan melakukan kerja-kerja rumah yang lain. Manakala anak lelaki tidak digalakkan untuk melakukan kerja-kerja domestik.¹¹ Secara tidak langsung ibubapa telah mencorak satu hubungan yang tidak egalitarian di antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan. Kanak-kanak lelaki akan membesar dengan mempercayai bahawa wanita bertanggungjawab menyediakan keperluan mereka. Bukan itu sahaja, jenis alat permainan untuk anak lelaki dan anak perempuan juga dibezakan.¹² Perbezaan suasana yang didedahkan kepada kanak-kanak ini membentuk serta mempengaruhi persepsi mereka terhadap perkara-perkara yang perlu menjadi keutamaan dalam kehidupan masing-masing. Dalam tahun 30an misalnya, perkara utama dalam kehidupan seorang kanak-kanak perempuan yang berusia 12-13 tahun ialah persediaan ke alam perkahwinan.¹³

Rentetan daripada pendedahan yang sedemikian, maka peranan wanita dalam kerja-kerja domestik diserap ke dalam diri anak-anak perempuan semasa mereka masih kecil lagi. Sejak berumur belasan tahun lagi anak-anak perempuan telah diasuh agar menguruskan urusan-urusan rumahtangga seperti membasuh, menjahit, dan mengemas rumah. Anak lelaki pula didedahkan kepada kegiatan-kegiatan luar rumah yang lasak atau menolong bapa dalam kegiatan ekonomi, sosial dan keagamaan.¹⁴ Dalam masyarakat Melayu tradisional, mendidik dan membudayakan anak-anak perempuan dikatakan lebih

¹⁰ Wan Abdul Kadir, op.cit., m.s. 11.

¹¹ Ibid., m.s. 11.

¹² Sapiro, V., op.cit., m.s. 37.

¹³ Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, m.s. 3.

¹⁴ Wan Abdul Kadir, "Nilai Dan World-ViewOrang Melayu Tentang Gender", m.s. 12.

mencabar berbanding dengan anak lelaki.¹⁵ Bahkan mereka dari kecil lagi diasuh dan dididik supaya menjalankan peranan tradisional mereka sebagai isteri yang taat dan ibu yang baik.¹⁶ Kanak-kanak perempuan perlu memaparkan imej gadis yang baik dengan mengekalkan nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu yang menekankan tanggungjawab mereka menguruskan rumah tangga. Keadaan ini berkait rapat dengan konsep kesucian dan maruah wanita Melayu itu sendiri. Orang Melayu amat mementingkan maruah dan moral kaum wanita. Wanita senantiasa dikehendaki menjaga kehormatan diri dan tidak boleh sewenang-wenangnya bergerak bebas ke sana kemari. Konsep anak dara yang digunakan ke atas anak-anak gadis Melayu yang belum berkahwin jelas memperlihatkan kepentingan seorang wanita Melayu untuk menjaga kesucian diri.¹⁷ Di sini jelas wujudnya ketidaksamaan status antara jantina kerana kaum wanita digambarkan sebagai golongan yang lemah dan memerlukan pertolongan. Sapiro (1984) menerangkan bahawa,

...basic norms of masculinity and femininity are learned by young children and, as these norms become more critical to the way one is expected to behave in social settings, they become enforced with increasing vigor by the institutionalisation of adult gender roles.¹⁸

Peranan yang dimaksudkan di atas bukan sahaja merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh lelaki dan wanita tetapi juga memberi makna kepada konsep kelakian dan kewanitaan itu sendiri. Wanita bukan sahaja melahirkan anak tetapi juga menjadi seorang ibu. Kerja-kerja mengurus rumah tangga meletakkan wanita sebagai seorang surirumahtangga yang menyebabkan mereka menjadi seorang pekerja dalam hubungan dengan ekonomi rumah tangga. Setiap peranan ini dibentuk berdasarkan kepada

¹⁵ Ibid., m.s. 12.

¹⁶ Asiah Abu Samad, "Emancipation of Malay Women:1945-1957", Latihan Ilmiah, Ijazah Sarjana Sastera, Singapura : Universiti Malaya, 1960, m.s. 2.

¹⁷ Ku Zam Zam & Tune Yap Beng, "Gender Dari Perspektif Masyarakat Melayu", m.s. 233.

¹⁸ Sapiro, V., op.cit., m.s. 52.

nilai-nilai yang berkaitan dengan hubungan gender itu sendiri bergantung kepada proses pembudayaan dan sosialisasi sesebuah masyarakat. Wan Abdul Kadir (1998) juga berpendapat proses sosialisasi dan budaya semasa anak-anak masih kecil membentuk peranan yang perlu dimainkan oleh lelaki dan wanita.¹⁹

Peranan lelaki sebagai lebih dominan daripada wanita telah menjadi sebatи dalam kehidupan masyarakat Melayu. Menurut Hart (1991),

*... women's rightful position in the home and the idea that men are responsible for women's emotional and physical welfare have become increasingly important components of official state ideology.*²⁰

Selain daripada itu, pengaruh agama juga memainkan peranan penting mencorak pandangan serta persepsi masyarakat Melayu mengenai kedudukan lelaki dan wanita. Kebanyakan orang Melayu adalah beragama Islam. Malah kadangkala Melayu disamaertikan sebagai Islam. Adat dan agama dalam masyarakat Melayu saling berkait rapat dan nilai-nilai hidup serta budaya masyarakat itu dipercayai berteraskan kepada nilai-nilai Islam. Antara nilai-nilai Islam yang sudah sebatи dalam masyarakat Melayu ialah peranan dan tanggungjawab lelaki di luar rumah yang dikatakan lebih besar berbanding dengan wanita. Suami bertanggungjawab bukan sahaja menjaga kepentingan serta kebajikan keluarga tetapi juga mencari nafkah untuk menyara anak dan isteri. Manakala isteri pula dibebankan dengan tanggungjawab untuk menjaga kehormanian dan kesejahteraan rumah tangga disamping menjadi ibu yang baik. Penjagaan rumah tangga ini meliputi kesemua kerja-kerja domestik seperti memasak, menjahit, mengemas dan membasuh. Sekiranya si isteri bekerja sekalipun, masyarakat masih menganggap tugas-

¹⁹ Wan Abdul Kadir, "Nilai Dan World-View Orang Melayu Tentang Gender", m.s. 2.

²⁰ Hart, G., "Engendering Everyday Resistance: Gender, Patronage and Production Politics in Rural Malaysia", *Journal of Peasant Society Studies*, 19 (1): 1990 m.s. 113.

tugas di rumah perlu dilakukan oleh isteri. Ini menyebabkan isteri terpaksa menanggung beban kerja yang berat. Tambahan pula dengan status seorang ibu, kebajikan anak-anak juga menjadi tanggungjawab mereka. Kelakuan anak-anak sering dikaitkan dengan cara mereka dibesarkan oleh seorang wanita. Walaupun isteri mempunyai pendidikan dan kedudukan yang lebih baik di luar rumah tetapi suami tetap dianggap sebagai ketua keluarga.²¹

Askiah Adam (1993) mendakwa kepercayaan kepada *regio-cultural* yang telah sebatи dalam masyarakat Melayu mengekalkan lagi idea bahawa wanita tidak setaraf dengan lelaki.²² Menurut beliau, dalam masyarakat Melayu, adat dan kebudayaan tidak memihak kepada mana-mana jantina. Bahkan di sesetengah negeri, wanita Melayu mempunyai kedudukan yang lebih baik mengikut adat. Walaupun pengagihan kuasa berdasarkan adat membolehkan kaum wanita menguasai ekonomi dan memikul tugas-tugas harian yang lain, tetapi adat itu masih menafikan hak wanita dalam bidang yang lain. Adat atau budaya masyarakat Melayu merangkumi etika-etika peradaban dan tingkahlaku dalam suasana sosial yang berbeza yang boleh mempengaruhi seseorang individu terbabit. Menurut Wazir Jahan Karim (1992),

*Adat...referring to the total constellation of concepts, rules and codes of behaviour which are conceived as legitimate or right, appropriate or necessary.*²³

²¹ Wan Abdul Kadir, "Nilai Dan World-View Orang Melayu Tentang Gender", m.s. 14.

²² Askiah Adam, "Gender: A Social Factor in Political Consciousness and Active Participation", dalam Robert Haas dan Rahmah Hashim (pnyt), **Malaysian Women: Creating Their Political Awareness**, Kuala Lumpur, Asian Institut for Development Communication, 1994, m.s. 1-15.

²³ Wazir Jahan Karim, **Women, Culture Between Malay Adat and Islam**, m.s. 15.

Adat merupakan nilai yang paling unik serta tersendiri yang boleh menggambarkan keadaan masyarakat Melayu. Malah ada pepatah mengatakan ‘*biar mati anak, jangan mati adat*’. Jelasnya peranan adat cukup besar meligitimasikan tingkahlaku ahli masyarakat. Di Malaysia terdapat dua jenis adat yang menjadi sandaran masyarakat Melayu iaitu adat Temenggung dan adat Pepatih.

Di negeri yang mengamalkan adat pepatih iaitu suatu adat yang berasal dari Minangkabau, sistem ‘*matrilineal*’ memberi gambaran bahawa wanita yang berhak mengawal dan mewarisi tanah dan sebarang bentuk harta tetap.²⁴ Menurut Dancz (1987), dalam Adat Pepatih, hak milik tanah adalah kepunyaan ahli perempuan dan diturunkan melalui anak perempuan.²⁵ Ahli lelaki tidak berhak mewarisi tanah tetapi boleh mengerjakannya untuk menyara keluarga. Tetapi menurut penulis-penulis yang menulis tentang Adat Pepatih atau *matrilineal* sistem, mereka mendakwa wanita hanya berhak ke atas tanah pusaka sahaja.²⁶ Kuasa sebenarnya berada di tangan kaum lelaki kerana kerana mereka bertanggungjawab menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan ‘*ceremonial titles*’ serta sebarang aktiviti berbentuk budaya dan peradaban.²⁷ Malah kaum lelaki terutama dari sebelah ibu dipertanggungjawabkan mencari jodoh untuk kaum wanita.²⁸ Namun begitu ibu masih memainkan peranan dalam mendidik anak-anak terutama anak perempuan untuk melakukan kerja-kerja rumahtangga. Tidak kira adat mana yang diikuti oleh masyarakat Melayu, kaum wanitanya didedahkan kepada proses sosialisasi yang

²⁴ Ibid., m.s. 63.

²⁵ Dancz, op. cit., m.s. 7.

²⁶ Wazir Jahan Karim, *Women, Culture Between Malay Adat and Islam*, m.s. 63.

²⁷ Askiah Adam, “Gender: A Social Factor in Political Consciousness and Active Participation”, m.s. 8-17.

²⁸ Nurazit Selat, “Adat Pepatih: Perbezaan dan Persamaan Dengan Adat Temenggung,” *Jurnal Pengajian Melayu*, 5 (1993), m.s. 113-11.

sama iaitu akur kepada kekuasaan kaum lelaki.²⁹ Maruah kaum wanita dinilai lebih tinggi dan menjadi penentu kepada nama baik keluarga dan masyarakat. Justeru itu, Askiah Adam (1993) berpendapat,

...adat is patriarchal in its gender relations which is only slightly blunted by the arrangements of conferring with the matriarch of the family.³⁰

Beliau percaya bahawa adat sebagai satu nilai hidup yang mengukuhkan lagi ketidaksamaan gender dalam masyarakat.

3.3. Pekerjaan

Prinsip gender dalam masyarakat tradisional Melayu sedikit sebanyak mencerminkan ketidaksamaan hubungan di antara lelaki dan wanita dalam urusan-urusan di luar rumah. Pemikir-pemikir dari barat juga sering mengaitkan peranan tradisional wanita dengan urusan rumahtangga dan keluarga. Imej sebagai seorang wanita Melayu dilihat sebagai pengurus rumahtangga di samping terlibat dalam membuat keputusan. Mereka harus akur dengan suami mereka sebagai ketua keluarga. Walaupun kaum wanita yang menyumbang kepada kewangan keluarga tetapi si suami tetap dianggap sebagai orang yang menyediakan keperluan keluarga dan menjaga kebajikan isteri.³¹ Mengikut tradisi Melayu, kaum wanita memainkan peranan yang subordinat kepada suami dan keluarga. Misalnya wanita Melayu di kampung, kebanyakannya menguruskan kerja-kerja domestik dan pada masa yang sama membantu suami di sawah.

²⁹ Mazianah Abdul Muin, "Wanita Melayu dan Kegiatan Sosial," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1995/1996, m.s. 42.

³⁰ Askiah Adam, "Gender: A Social Factor in Political Consciousness and Active Participation", m.s. 8-17.

³¹ Nagata, J., " Modern Malay Women and The Message of Veil", dalam W. J. Karim (pnyt), **Malay Female in Developing Southeast Asia**, Oxford, Berg, 1995, m.s. 101-121.

Menurut Fatimah Abdullah (1983), konsep peranan melibatkan hubungan sosial yang mengawal tingkahlaku seseorang dalam sesuatu kelompok.³² Perbezaan peranan yang perlu dimainkan oleh lelaki dan wanita merupakan sebahagian daripada ketaksamaan yang wujud dalam sistem hubungan gender. Menurut Linton (1936),

A role represents the dynamic aspect of a status. The individual is socially assigned to a status and occupies it with other relation to the other statuses. When he puts the rights and duties which constitutes the status into effect, he is performing roles.³³

Setiap budaya mempunyai peranan gender yang menentukan aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan. Pada zaman dahulu, di dalam masyarakat Melayu sendiri, wanita memainkan peranan bukan sahaja sebagai ibu dan isteri tetapi turut terlibat bidang ekonomi. Mereka amat berpengaruh dalam menentukan perbelanjaan dan kewangan keluarga di samping mengerjakan di sawah atau bermiaga. Contohnya di Kelantan, Sir Frank Swettenham di dalam **British Malaya** mengatakan;

The people of this place have certain peculiar custome, of which it may be mentioned that though they are Muhammaden, the women move about as freely as the men.³⁴

Ini turut disokong oleh Rosemary Firth (1966). Menurutnya, pengaruh kaum wanita dalam kewangan adalah besar kerana mereka yang menentukan perbelanjaan yang perlu dikeluarkan untuk keperluan keluarga.³⁵ Di samping itu, kaum wanita juga didapati

³² Fatimah Abdullah, "Wanita Melayu dan Pekerjaan: Satu Analisa Konflik Peranan", Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM, Bangi, 1982/1983, m.s. 101.

³³ Linton, R., **The Study of Men**, New York, Appleton Century, 1936, m.s. 114.

³⁴ Alias Mohamad, **Kelantan: Politik dan Dilema Pembangunan**, Kuala Lumpur, Gateway Publishing House, 1989, m.s. 6.

³⁵ Firth, Rosemary, **Housekeeping Among Rural Malays**, London, Athlone Press, 1966, m.s. 26.

mempunyai harta yang disimpan dalam bentuk perahu, jaring atau rumah.³⁶ Kehidupan kaum tani Melayu jelas menggambarkan kaum wanita bukan sahaja berperanan untuk menjaga kebajikan rumahtangga tetapi juga turut membantu suami melakukan kerja-kerja harian dan kegiatan-kegiatan sampingan.³⁷ Aktiviti-aktiviti sampingan ini termasuk menjahit pakaian atau kerja-kerja anyaman yang boleh menyumbang kepada pendapatan keluarga. Secara tidak langsung mereka boleh membantu suami membiayai keperluan di rumah. Di samping itu, menjadi satu kebiasaan kaum wanita Melayu mengambil upah untuk mencari pendapatan yang lebih. Di Pantai Timur Malaysia misalnya, golongan yang aktif dalam bidang perniagaan di pasar atau yang menjual dari rumah ke rumah adalah kaum wanita.³⁸ Walau bagaimanapun kebebasan diri yang dikecapi oleh wanita Melayu dalam bidang ekonomi tidak sama dengan penglibatan mereka dalam bidang-bidang awam seperti politik.

Kedudukan wanita yang subordinat di dalam masyarakat disebabkan oleh pelbagai faktor dan diperkuuhkan oleh pelbagai institusi, kepercayaan dan amalan. Hart (1991) melihat wanita Melayu sebagai; pertama, lebih praktikal dan berkemampuan untuk mendapatkan kewangan yang kukuh serta mampu mengambil alih urusan pendapatan keluarga. Kedua, wanita dikatakan memerlukan perlindungan daripada kaum lelaki dan kaum lelaki bertanggungjawab melindungi wanita serta menjaga sosio-ekonomi rumahtangga.³⁹ Kajian yang dijalankan oleh Rosemary Bernard (1983)⁴⁰ dan Maznah

³⁶ *Ibid.*, m.s. 27.

³⁷ Alias Mohamad, *op. cit.*, m.s. 6.

³⁸ Jamilah Ariffin, *Women and Development In Malaysia*, m.s. 3-4.

³⁹ Hart, G., *op. cit.*, m.s. 96.

⁴⁰ Bernard, Rosemary, "Hosewives and Farmers: Malay Women in The Muda Irrigation Scheme", dalam Lenore Manderson (pnyt), *Women's Work and Women's Roles*, Canberra, ANU, 1983, m.s. 134.

Mohamed (1994)⁴¹ terhadap masyarakat Melayu jelas menggambarkan kepentingan peranan wanita dalam menguruskan rumahtangganya melalui kegiatan ekonomi. Menurut Rosemary Bernard (1983), di Kampung Asam Riang, 13% wanita Melayu menguruskan keluarga tanpa kehadiran kaum lelaki malah 8000 keluarga yang lain bergantung kepada wanita dari segi ekonominya.⁴² Kedudukan wanita juga dikaitkan dengan budaya dan agama Islam yang diperlakukan oleh masyarakat Melayu. Budaya dan agama sering disalahertikan sebagai merendahkan martabat kaum wanita tanpa mengambil kira bagaimana pembudayaan agama itu diintegrasikan kedalam kepercayaan tradisi yang mengawal moral dan kehidupan sehari-hari masyarakat Melayu, sehingga kedudukan wanita dalam masyarakat Islam menjadi ‘*subordinat*’ atau lebih rendah daripada lelaki.

3.4. Pendidikan

Pendidikan mempunyai implikasi yang besar terhadap pandangan wanita dan lelaki mengenai hubungan gender. Di dalam masyarakat tradisional Melayu, proses pendedahan kepada pendidikan yang diterima oleh lelaki dan wanita adalah berbeza. Lantaran itu sikap serta pandangan mereka terhadap politik juga mungkin berbeza.

Walaupun sekolah perempuan telah wujud sebelum merdeka namun sukatan pembelajaran yang diajar kepada kanak-kanak perempuan lebih menjurus kepada aktiviti-aktiviti rumahtangga seperti seni jahitan, menenun dan lain-lain kemahiran wanita.⁴³ Tambahan pula hanya segelintir ahli masyarakat yang berminat untuk mendapatkan

⁴¹ Maznah Mohamad, "Gender, Class and The Sex Division of Labour in a Rural Community in Kedah, *Kajian Malaysia*, 11(2), 1994, m.s. 101-122.

⁴² Bernard, Rosemary, "Hosewives and Farmers: Malay Women in The Muda Irrigation Scheme", m.s. 131.

⁴³ *Ibid.*, m.s. 29.

pendidikan kepada anak perempuan mereka. Golongan ini terdiri daripada bangsawan Melayu dan orang kenamaan. Maka tidak menghairankan penggiat awal kepada pergerakan politik wanita dimonopoli oleh mereka yang berasal daripada keluarga yang berpengaruh dan berpelajaran.

Status pendidikan yang diterima oleh anak-anak perempuan jauh lebih rendah daripada anak-anak lelaki.⁴⁴ Pendidikan awal yang diterima oleh anak perempuan selalunya diperolehi daripada ibu, ibu saudara atau kakak manakala anak-anak lelaki pula berpeluang untuk mendapatkan pendidikan yang formal di sekolah.⁴⁵ Sekitar tahun 1950-an misalnya penglibatan kanak-kanak perempuan dalam pendidikan formal Inggeris adalah tidak sebaik kanak-kanak lelaki. Ibubapa berpendapat bahawa anak perempuan tidak perlu berpelajaran untuk membuat kerja-kerja domestik seperti mengurus rumah tangga dan bekerja di sawah-sawah padi. Lagipun mengikut adat Melayu, seseorang wanita itu akan dipandang tinggi sekiranya beliau pandai mengendalikan rumah tangga. Dengan kata lain wanita telah disosialisasikan agar memainkan peranan mereka sebagai surirumahtangga yang baik.

Sejarah telah membuktikan bahawa status pendidikan kanak-kanak perempuan lebih rendah dari kanak-kanak lelaki. Menurut Khadijah Mohamed (1969), walaupun bilangan sekolah Melayu wanita dilihat makin bertambah tetapi peratus pertambahan bagi sekolah anak-anak perempuan sebenarnya berkurangan.⁴⁶ Dalam tahun 1938, peratus

⁴⁴ Robiah Saidin, *op.cit.*, m.s. 19.

⁴⁵ Manderson, L., *op. cit.*,m.s. 28.

⁴⁶ Khadijah Mohamed, ‘Wanita Melayu dan Pekerjaan,’ Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1968/1969, m. 39.

sekolah Melayu perempuan telah meningkat kepada 16% tetapi dalam tahun 1947 ianya menurun kepada 13% berbanding dengan lelaki.⁴⁷

Pendidikan merupakan faktor yang penting dalam menentukan minat serta status sosio-ekonomi seseorang individu. Menurut Sapiro (1984), perubahan nilai-nilai dan peranan gender dalam sesuatu masyarakat tradisi berlaku di kalangan mereka yang berpendidikan dan kemudianya mempengaruhi masyarakat.⁴⁸ Malah pelajaran juga dikatakan satu indikator yang mempengaruhi minat seseorang dalam politik. Kesedaran serta minat yang berbeza di antara lelaki dan wanita dalam arena politik dikatakan berpunca daripada perbezaan pendidikan yang diterima. Wanita lebih konservatif, kurang berminat, kurang aktif, kurang cekap serta sempit pemikiran berbanding dengan lelaki dalam menangani permasalahan politik.⁴⁹

Tambahan pula sekolah merupakan institusi sosial yang berupaya untuk mencorak persepsi dan pandangan para pelajar tentang hubungan gender. Akta Pendidikan 1961 telah memberi hak yang sama kepada wanita dan lelaki untuk mendapat peluang persekolahan. Perkara ini ditekankan lagi semasa pengishtiharan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 supaya peluang pendidikan diberikan kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan tanpa mengira status gender.⁵⁰ Jelasnya perundangan pendidikan yang diadakan bertujuan untuk mengelak daripada berlakunya diskriminasi gender. Persepsi kaum wanita terhadap segregasi peranan wanita dan lelaki dalam masyarakat bukan

⁴⁷ Ibid., m.s. 39.

⁴⁸ Sapiro, V., op.cit., m.s. 65.

⁴⁹ Ibid., m.s. 66.

⁵⁰ Robiah Saidin, op. cit., m.s. 20.

sahaja dipengaruhi oleh pandangan stereotip hubungan gender malah kurangnya ekspektasi dari ibubapa, pilihan mata pelajaran di sekolah serta wujudnya keadaan di mana guru memberi gambaran yang berlainan tentang nilai-nilai dan peranan gender dalam masyarakat Melayu.

Hari ini masyarakat Melayu mulai sedar tentang kepentingan pendidikan bagi anak-anak mereka untuk mendapatkan penghidupan yang lebih baik. Tambahan pula dasar pendidikan yang tidak mengira jantina menyebabkan kemasukan pelajar perempuan ke sekolah tidak jauh berbeza dengan pelajar lelaki. Bilangan enrolmen sekolah rendah dan sekolah menengah mengikut negeri bagi tahun 1997 dan 1998 menunjukkan bilangan pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki.⁵¹ Begitu juga dengan bilangan dan peratus graduan di institusi-institusi pengajian tinggi. Sehingga tahun 1996, sebanyak 53% pelajar perempuan dan 48% pelajar lelaki telah menamatkan ijazah pertama mereka di institusi-institusi tempatan.⁵²

Namun begitu, didapati kemasukan para pelajar ke sekolah vokasional dan sekolah teknik mencerminkan kewujudan ketidaksamaan hubungan gender. Menurut Rabiah Saidin (2000), kebanyakan pelajar wanita lebih cenderung memilih kursus-kursus kewanitaan seperti sains rumah tangga, kesetiausahaan dan perdagangan.⁵³ Bilangan pelajar perempuan yang mengikuti bidang perdagangan dalam aliran pertanian pada tahun 1998 ialah seramai 562 orang iaitu 75% daripada keseluruhan pelajar yang mendaftar.⁵⁴

⁵¹ Sila lihat Lampiran D.

⁵² Sumber daripada Perangkaan Pendidikan Malaysia, 1996.

⁵³ Robiah Saidin, *op. cit.*, m.s. 28.

⁵⁴ *Ibid.*, m.s. 29.

Pelajar lelaki pula lebih berminat kepada kursus-kursus kejuruteraan atau pembinaan ketukangan yang sering dikaitkan dengan kerja-kerja kaum lelaki.

Dasar Pembangunan Malaysia memberi peluang yang sama kepada wanita dan lelaki dalam bidang pendidikan. Namun begitu, jika dilihat daripada jumlah kemasukan pelajar di sekolah-sekolah teknikal dan vokasional terutama dalam bidang teknikal dan kejuruteraan terdapat jurang gender yang besar. Menurut Robiah Saidin (2000), bidang kemasyarakatan dan kemanusian terus menjadi tumpuan pelajar wanita.⁵⁵ Ini menyokong pandangan Nik Safiah Karim (1990) yang berpendapat bahawa pelajar lelaki dan wanita masih lagi cenderung memilih bidang pengkhususan berdasarkan perbezaan jantina. Kursus-kursus perguruan dan aliran sastera yang menjurus kepada sifat-sifat kewanitaan menjadi pilihan pelajar wanita manakala pelajar lelaki pula menguasai kursus matematik dan kejuruteraan.⁵⁶ Malah, di peringkat universiti, pola kemasukan pelajar dan pola graduan lepasan menunjukkan perbezaan besar di dalam bidang-bidang yang diceburi.

Kecendurangan pelajar lelaki kepada sains dan pelajar wanita kepada kemanusiaan dan sastera merupakan satu bentuk gender bias dalam pendidikan. Pelajar wanita kalaupun memilih bidang sains lebih cenderung kepada bidang perubatan manakala pelajar lelaki pula kepada kejuruteraan. Ini memberi satu gambaran bahawa masyarakat belum dapat membebaskan ahli anggotanya daripada stereotaip peranan gender yang menyebabkan berlaku ketidaksamaan gender dalam pendidikan.⁵⁷

⁵⁵ Ibid., m.s. 25.

⁵⁶ Nik Safiah Karim, **Wanita Malaysia: Cabaran dan Masa Depan**, m.s. 41.

⁵⁷ Askiah Adam, "Gender: A Social Factor in Political Consciousness and Active Participation", m.s. 8-17.

Justeru itu, adalah penting untuk mengubah pandangan dan sikap masyarakat yang masih mengekalkan perbezaan hubungan gender antara lelaki dan perempuan. Melalui pendidikan, dipercayai jurang ketidaksamaan ini dapat dirapatkan. Menurut Sapiro (1980),

...changes in traditional gender role norms occur first among the educated stratum and then diffuse throughout society.⁵⁸

Sejarah telah menunjukkan bahawa kesedaran, emansipasi dan kebebasan golongan wanita dalam pelbagai bidang terutama dalam politik adalah melalui pendidikan. Apabila lebih banyak peluang persekolahan diwujudkan untuk anak-anak perempuan sambutan yang diberi semakin menggalakkan. Oleh itu peluang pendidikan yang sama rata harus diberikan kepada kaum wanita agar tidak berlaku sebarang bentuk diskriminasi yang boleh menyekat pembangunan mereka. Di samping itu, masyarakat perlu berfikiran lebih terbuka terhadap pemilihan pengkhususan pembelajaran anak-anak sama ada di sekolah atau di universiti. Ini kerana kewujudan perbezaan pemilihan kursus itu sendiri akan mengukuhkan lagi jurang perbezaan gender yang sedia ada.

3.5. Emansipasi Wanita Melayu

Isu mengenai persamaan hak wanita dan lelaki dalam masyarakat berkait rapat dengan idea pembebasan kaum wanita daripada kongkongan budaya dan sosial masyarakat setempat. Soal tuntutan persamaan hak wanita di Malaysia tidak sehebat di negara-negara lain terutama di negara-negara maju. Ini kerana di Malaysia peranan dan sumbangsan wanita dalam pelbagai bidang dihargai.⁵⁹ Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan pengaruh idea pembebasan wanita yang berakar tunjang daripada Barat

⁵⁸ Sapiro, V., op.cit., m.s. 65-67.

⁵⁹ Sarimah Othman, 'Apa Yang Diperjuangkan', MASSA, 11-17 Julai 1998, m.s. 54.

meresapi masyarakat Melayu. Nilai-nilai masyarakat Melayu dianggap mengongkong perkembangan peribadi kaum wanita serta peluang yang lebih luas untuk menceburkan diri dalam segenap aspek kehidupan.⁶⁰

Perjuangan wanita Barat bermula akibat daripada revolusi Industri pada akhir abad ke 19.⁶¹ *Women's liberation* dikatakan muncul di negara-negara perindustrian akibat keadaan kehidupan kaum wanita di kilang-kilang yang tertindas. Pengenalan kepada kehidupan teknologi telah membuka peluang untuk memperjuangkan hak sama rata dengan kaum lelaki.⁶² Seterusnya mereka mula berjuang untuk mendapatkan persamaan dalam segala bidang dan pembebasan daripada kerja-kerja domestik.⁶³ Namun begitu, konsep kebebasan yang diperjuangkan ini meletakkan kaum wanita Barat ke tahap yang semakin rendah. Kaum wanitanya tidak lagi dihormati⁶⁴ dan institusi keluarga mereka menjadi lemah.⁶⁵

Pengaruh *women's liberation* di Tanah Melayu telah berlaku sebelum perang dunia kedua. Kritikan terhadap kedudukan wanita Melayu diluahkan melalui penulisan-penulisan tempatan. Seruan kepada pembebasan wanita Melayu daripada belenggu tradisi masyarakat dilakukan oleh golongan yang berpendidikan seperti reformis Islam daripada

⁶⁰ Mohamad Abu Bakar, **Potret Masa: Persaingan Ideologi dan Pemulihian Tradisi**, Petaling Jaya, Gateway Publishing House Sdn. Bhd, 1994, m.s.22.

⁶¹ Ibid., m.s. 23.

⁶² Rozi Bainon, op. cit., m.s. 31.

⁶³ Mohamad Abu Bakar, op. cit., m.s. 24.

⁶⁴ Rozi Bainon, op. cit., m.s. 31.

⁶⁵ Mohamad Abu Bakar, op. cit., m.s. 25.

Kaum Muda, serta para novelis.⁶⁶ Buktinya melalui penulisan novel-novel tempatan termasuk novel **Hikayat Faridah Hanum** yang menggambarkan watak Faridah Hanum sebagai pejuang emansipasi wanita.⁶⁷ Begitu juga dengan novel-novel Iakah Salmah dan **Percintaan Kasih Kemudaan** yang juga menunjukkan unsur-unsur mengkritik status wanita Melayu dalam masyarakat.⁶⁸ Malah Munsyi Abdullah sendiri pernah menulis tentang wanita di Kelantan yang dilihat mampu berdikari dari segi ekonomi. Za'ba menurut Hanapi Dollah (1995) turut mempersoalkan tentang nilai-nilai masyarakat Melayu yang dianggap mengongkong dan 'memperlembukan' kaum wanita di rumah.⁶⁹

Hanya segelintir sahaja golongan yang aktif memperjuangkan soal pembebasan wanita ini. Mereka terdiri daripada anak bangsawan dari kelas menengah dan atasan, golongan yang berpendidikan Inggeris di sekolah mubahigh⁷⁰ serta guru-guru yang berpendidikan Melayu.⁷¹ Kaum Muda yang turut memperjuangkan kebebasan yang lebih meluas kepada wanita mengutarakan pandangan mereka melalui majalah **Al-Ikhwan** dan **Al-Imam**.⁷² Bermula dalam tahun 1906-1908, **Al-Iman** menjadi akhbar rasmi Kaum Muda. Walaupun Kaum Muda memperjuangkan peningkatan pendidikan kepada kaum wanita dan menggalakkan kemajuan dalam kelas-kelas kerja tangan dan urusan

⁶⁶ Ibid., m.s. 22.

⁶⁷ Ibid.

⁶⁸ Abu Bakar Abdul Hamid, **Bingkisan Budj: Kumpulan Kajian Tentang Kesusastraan Malaysia Modern**, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1992, m.s. 25; Sila lihat juga Talib Samat, Syed Sheikh Al-Hadl: **Sasterawan Progresif Melayu**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, m.s. 72-82.

⁶⁹ Hanapi Dollah, "Za'ba Sebagai Feminis", m.s. 323-333.

⁷⁰ Asiah Abu Samah, "Emancipation of Malay Women 1945-1953", Latihan Ilmiah, Ijazah Muda, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, m.s. 2-4.

⁷¹ Dancz, op. cit., m.s. 26.

⁷² Mazianah Abdul Muin, "Wanita Melayu dan Kegiatan Sosial", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1996, m.s. 82.

rumah tangga, tetapi mereka masih membataskan penglibatan wanita di luar institusi keluarga.⁷³ Menurut Swift (1965), Kaum Muda masih terikat dengan tanggapan budaya Melayu tentang peranan yang perlu dimainkan oleh wanita hanya sebagai isteri dan ibu.⁷⁴

Selain daripada **Al-Ikhwan** dan **Al-Iman**, majalah-majalah lain seperti **Neracha**, **Lembaran Guru** dan **Berita Melayu** turut menjadi alat sebaran am untuk menanam kesedaran kepada wanita Melayu. Penulisan dalam majalah-majalah ini telah berlaku seawal tahun 1920an. Malahan kebanyakan seruan dalam majalah popular sekitar tahun 1924 hingga 1941 adalah cenderung untuk mengubah adat dan kefahaman masyarakat Melayu terhadap wanita. Wanita Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris dan Melayu telah mula mendesak kaum wanita Melayu lain agar membuang segala adat resam yang tidak berguna dan bertentangan dengan Islam.

Seorang tokoh wanita yang kelak muncul sebagai tokoh dalam kehidupan awam iaitu Ibu Zain juga giat mengkritik kedudukan wanita Melayu yang mundur. Tulisan-tulisan beliau dalam **Lembaran Guru**, **Majalah Guru** dan sebagainya jelas memperlihatkan kesungguhannya untuk menyedarkan kaum wanita Melayu memajukan diri dalam pendidikan dan merebut peluang untuk bergerak seiring dengan kaum lelaki dalam kehidupan awam. Menurut sebuah tulisannya dalam **Lembaran Guru**, 1926:

⁷³ Hanapi Dollah, "Za'ba Sebagai Feminis", m.s. 332.

⁷⁴ Swift, M. G., **Malay Peasant Society in Jelebu**, London, Athlone Press, 1965, m.s.106.

... kitalah puak yang mesti mengatur rumah tangga dan penyelenggaraan isi rumah kita dengan aturan dan penyelenggaraan yang munasabah yang tidak berbeza dengan peraturan negeri dan kitalah jua kaum yang mesti mengeluarkan undang-undang rumah tangga serta melengkapkan diri dengan kelengkapan yang berguna bagi molek bagi keselamatan dan keamanan isirumah. Bahawa seorang perempuan yang boleh memajukan dan amankan rumah tangganya dengan sempurna dan selamat itu samalah berat dan besar jasa seorang menteri atau raja yang memerintah dan menegakkan sebuah negara.⁷⁵

Selain daripada Ibu Zain, ramai lagi penulis-penulis wanita yang menyeru kepada kemajuan kedudukan wanita dalam masyarakat termasuk Rahmah Muhd Zain, Zainah Al Nadhrah dan Hafsa Ya'kob.⁷⁶ Kesan perjuangan golongan-golongan yang berpendidikan ini amat besar kepada wanita Melayu. Tetapi Mohamad Abu Bakar (1994) melihat proses emansipasi ini atau pembebasan wanita daripada belenggu tradisi masyarakat sebagai satu proses yang mengubah ikatan budaya dan tradisi wanita Melayu.⁷⁷ Emansipasi yang diperjuangkan pada peringkat awal adalah mengikut wanita Barat sedangkan wanita Timur mempunyai adat dan agama yang berbeza. Oleh kerana itu, wujud konflik dalam masyarakat akibat daripada pendekatan yang digunakan tidak sesuai untuk masyarakat yang beragama Islam.

Menurut Mohamad Abu Bakar (1994), proses emansipasi bukan sahaja merubah peranan dan kepentingan wanita dalam institusi keluarga malah melanggar budaya dan agama.⁷⁸ Ini berikutan golongan wanita yang terlalu ghairah dengan perjuangannya sehingga sanggup meninggalkan rumah dengan alasan untuk perjuangan, tanpa ditemani

⁷⁵ Sila lihat petikan ini di dalam Zabedah Awang Ngah, **Antologi Esei Melayu dalam Tahun-tahun 1924-1941**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966, m.s. 162-162.

⁷⁶ Mazianah Abdul Muin, "Wanita Melayu dan Kegiatan Sosial", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1996, m.s. 88.

⁷⁷ Muhamad Abu Bakar, *op. cit.*, m.s.22.

⁷⁸ **Ibid.**, m.s. 22-28.

dan tidak bertudung.⁷⁹ Sedangkan masyarakat Melayu pada masa itu masih kuat berpegang kepada adat dan ajaran-ajaran Islam. Akibat daripada pengaruh ini juga sudah kedapatan anak-anak gadis yang tanpa segan silu berdating, berkelah dan menghadiri majlis tari menari.⁸⁰

Asiah Abu Samah (1960) dalam penghuraianya tentang emansipasi ke atas wanita Melayu turut menyatakan perubahan ini. Kaum wanita Melayu terikut-ikut gaya pakaian Barat seperti memakai mini skirt apabila bersukan.⁸¹ Malah golongan wanita luar bandar juga tidak lagi mengenakan tudung apabila keluar mengundi. Mohamad Abu Bakar (1994) mendakwa meskipun emansipasi telah membawa kaum wanita ke dalam bidang-bidang yang dulunya dimanopoli oleh kaum lelaki tetapi proses ini juga telah melonggarkan ikatan tradisi di mana nilai-nilai kemelayuan dan etika-etika Islam tidak lagi memainkan peranan penting dalam hidup mereka.⁸²

Namun begitu tidak dinasikan kemuncak daripada idea penonjolan wanita ini menyaksikan penentangan politik yang menyeluruh daripada kaum wanita terhadap Malayan Union. Ia telah menyebabkan wanita mula menceburi bidang-bidang awam dan memberansangkan penglibatan mereka dalam politik. Penyertaan kaum wanita dalam badan-badan politik serta pertumbuhan pergerakan politik wanita seperti Pergerakan Wanita UMNO dan Dewan Muslimat PAS merupakan sebahagian daripada impak perkembangan emansipasi ini.

⁷⁹ Ibid., m.s. 22.

⁸⁰ Ibid.

⁸¹ Asiah Abu Samah, "Emancipation of Malay Women 1945-1953", Latihan Ilmiah, Ijazah Muda, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, m.s. 22-26.

⁸² Muhamad Abu Bakar, op. cit., m.s. 26-28.

Masyarakat harus memandang serius perjuangan untuk membela kaum wanita. Ini kerana proses menuntut hak wanita adalah sebahagian daripada agenda untuk menuntut keadilan. Wanita hari ini sudah sedar kepentingan dan hak asasi mereka. Perjuangan menuntut hak ini tidak boleh diketepikan oleh pemimpin terutama kaum lelaki.⁸³ Wanita mendesak kepada bilangan yang lebih ramai di peringkat membuat keputusan bukan bertujuan untuk mencabar kaum lelaki, tetapi sebaliknya untuk menjamin agar kepentingan dan nasib kaum hawa terbela.

3.6. Kesamarataan Lelaki dan Wanita

Menurut Nik Safiah Karim (1982), perjuangan wanita Melayu di Malaysia lebih menjurus kepada usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan dan peranan yang perlu dimainkan oleh wanita.⁸⁴ Ia juga mendorong kaum wanita agar menyedari hak dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat. Konsep pembebasan yang dibawa oleh wanita Melayu ialah kebebasan daripada keadaan yang merendahkan taraf dan kedudukan disebabkan oleh kepercayaan atau penindasan pihak tertentu.⁸⁵ Dalam hal ini, agama amat penting sebagai garis panduan menentukan nilai-nilai hidup seseorang individu. Sebagai pengikut Islam, wanita Melayu harus akur dengan konsep pembebasan yang telah digariskan oleh Islam.

...dalam Islam, penempatan wanita mengikut kedudukan dan taraf yang di luluskan oleh agama adalah isu pokok dan bukannya pemberian hak dan peranan yang seratus sama dengan golongan itu. *Role differentiation* atau pembahagian tugas menjadi inti dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat walaupun terdapat bidang pekerjaan yang boleh diceburi bersama oleh kedua-dua pihak itu.⁸⁶

⁸³ Rozi Bainon, 1999, *op. cit.*, m.s. 35.

⁸⁴ Sarimah Othman, 'Apa Yang Diperjuangkan", MASSA, 11-17 Julai 1998, m.s. 54.

⁸⁵ Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia: Kumpulan Esei dan Ceramah*, Kuala Lumpur, Pustaka Ilmu Raya, 1982, m.s.18.

⁸⁶ Mohamad Abu Bakar, *op. cit.*, m.s. 28.

Lelaki dan wanita telah diberikan peranan bersetujuan dengan biologi mereka. Sekiranya lelaki meninggalkan tugas mereka kepada masyarakat dan wanita pula sibuk menuntut hak serta kebebasan maka akan berlaku kepincangan dalam masyarakat Islam.⁸⁷ Namun begitu, ia bukan alasan untuk menafikan hak-hak kaum wanita berdasarkan kepada pembahagian tugas tersebut. Walaupun ada perbezaan biologi yang menyebabkan berlakunya pembahagian tugas ini tetapi ia tidak boleh digunakan untuk mendiskriminasi sesuatu pihak.⁸⁸ Sebaliknya jika kaum wanita sendiri yang menafikan tentang perbezaan biologi ini dan mendakwa mempunyai hak yang sama seperti kaum lelaki maka sebarang bentuk undang-undang yang cenderung untuk memberi kelebihan kepada mereka merupakan ketidakadilan kepada kaum lelaki.⁸⁹

Bagi wanita Melayu dan Islam, agama telah memberi pengiktirafan dan kedudukan yang tinggi kepada mereka. Tuduhan-tuduhan yang mengatakan Islam mendiskriminasi kaum wanita sama ada melalui perundangan seperti wasiat, harta warisan, perceraian dan poligami atau kedudukan sosial adalah tidak berasas.⁹⁰ Cemuhan ini datang daripada golongan yang tidak memahami Islam. Oleh kerana perbezaan biologi yang ketara maka wanita diberi peranan yang berbeza daripada kaum lelaki. Amina Wadud Muhsin (1992) menegaskan, kerana faktor biologi maka tanggungjawab utama seorang wanita ialah untuk melahir serta membesar anak.⁹¹ Manakala kaum lelaki pula bertanggungjawab kepada masyarakat dan keluarga. Kaum wanita berperanan untuk

⁸⁷ Ibid.

⁸⁸ Rozi Bainon, *op. cit.*, m.s. 33.

⁸⁹ Abdullah Hassan, "Persamaan Hak Lelaki dan Wanita", *Dewan Masyarakat*, November, 1983, m.s. 56-59.

⁹⁰ Rozi Bainon, *op. cit.*, m.s. 37.

⁹¹ Amina Wadud Muhsin, *Quran and Woman*, Kuala Lumpur, Fajar Bakti, 1992, m.s. 70.

menjamin keutuhan institusi keluarga yang menjadi tunggak kekuatan masyarakat dan negara. Rozi Bainon (1992) mendakwa di atas pembahagian tugas ini maka kaum lelaki diberi lebih peluang di peringkat kepimpinan.⁹² Ini sebagai satu perlindungan kepada wanita agar mereka dapat melaksanakan tugas sebagai seorang ibu dengan baik.⁹³ Tambahan pula dalam masyarakat Asia, imej wanita yang berjaya adalah wanita yang melahirkan ramai anak, menjaga dan mendidik mereka serta pandai menguruskan rumah tangga.⁹⁴ Peranan sebagai ibu dipandang tinggi dan walaupun seseorang wanita itu mempunyai kerjaya tetapi mereka masih diikat dengan tugas sebagai seorang ibu.

Salbiah Ahmad (1994) mendakwa, tiada nas yang jelas sama ada dalam Al-Quran atau Hadith yang membataskan peranan wanita untuk melahir dan membesarakan anak sahaja.⁹⁵ Islam tetap membenarkan dan memberi hak kepada kaum wanita untuk bergiat dalam kegiatan sosial, pendidikan, ekonomi dan sebagainya.⁹⁶ Islam juga tidak menghalang wanita untuk aktif dalam bidang politik. Zeenath Kausar (1997) menegaskan walaupun kaum wanita diberi kebenaran untuk berkecimpung dalam politik tetapi institusi keluarga perlu diutamakan.⁹⁷ Konflik tentang penglibatan wanita dalam bidang

⁹² Rozi Bainon, *op.cit.*, m.s. 44.

⁹³ Amina Wadud Muhsin, , *op. cit.*, m.s. 73.

⁹⁴ Devaki Krishnan, "Religion and Culture: Prohibitive Factors For Women's Participation in Politics", m.s. 62.

⁹⁵ Salbiah Ahmad, "Religion and Culture: Prohibitive Factors For Women's Participation in Politics?", dalam Robert Haas & Rahmah Hashim (pnyt), **Malaysian Women: Creating Their Political Awareness**, Kuala Lumpur, Asian Institute for Development Communication, 1994, m.s. 48.

⁹⁶ Ismail Ibrahim, "Kedudukan Wanita Di dalam Islam," dalam Siti Fatimah Abdul Rahman (pnyt), **Pemartabatan Wanita Di Malaysia**, Selangor, Institut Kemajuan Islam Malaysia, 2000, m.s. 2.

⁹⁷ Zeenath Kausar, **Political Participation of Women: Contemporary Perspectives of Gender Feminists & Islamic Revivalists**, Kuala Lumpur, A. S. Noorden, 1997, m.s.2.

ini timbul kerana sesetengah golongan wanita menerima pakai pandangan feminis Barat yang menganggap institusi keluarga sebagai satu bentuk kongkongan dan penindasan kepada mereka.⁹⁸ Mereka juga mendakwa tugas mendidik anak sebagai satu beban. Oleh itu wanita perlu berdikari dengan melibatkan diri dalam bidang-bidang awam. Golongan yang menggalakkan emansipasi wanita berjuang untuk menghapuskan institusi keluarga⁹⁹ bagi membebaskan wanita dari sistem patriarki.¹⁰⁰ Malah para feminis ini juga mendakwa faktor agama sebagai halangan besar yang menyekat peningkatan mereka di peringkat kepimpinan dalam sesuatu bidang.

The rise of all forms of religious fundamentalism was seen as posing a particular threat to the enjoyment by women of their human rights and to the full participation of women in decision making at all levels of society.¹⁰¹

Berdasarkan kepada prinsip persamaan yang telah ditetapkan oleh Islam, maka pandangan feminis barat ini tidak boleh diterima. Islam telah menetapkan peranan wanita sebagai seorang isteri dan ibu tetapi pada masa yang sama memberi kebebasan yang sewajarnya. Islam memandang keutuhan sesebuah institusi keluarga itu bukan sahaja penting tetapi juga bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh seorang wanita untuk menjayakannya. Namun begitu, agama bukan satu alasan untuk menghalang wanita daripada berjaya aktif dalam kehidupan awam. Tuntutan mengerjakan *amal makruf nahi munkar* diwajibkan ke atas lelaki dan wanita.¹⁰²

⁹⁸ Ibid., m.s. 4.

⁹⁹ Mohamed Abu bakar, op. cit., m.s. 24.

¹⁰⁰ Zeenath Kausar, **Political Participation of Women**, m.s. 4.

¹⁰¹ Ibid., m.s.15.

¹⁰² Mohd Soud Said, "Sejarah Dewan Musimat PAS dan Sumbangannya Dalam Politik Malaysia", Disertasi Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1998/1999, m.s. 42; Andek Masnah, "Pembangunan Wanita Dalam bidang Politik di Malaysia Dari perspektif Islam", dalam Siti Fatimah Abdul Rahman (pnyt), **Pemartabatan Wanita Di Malaysia**, Selangor, Institut Kemajuan Islam Malaysia, 2000, m.s. 141.

Wanita Melayu bukan sahaja terpaksa berdepan dengan pandangan masyarakat yang masih mengutamakan kaum lelaki di dalam kehidupan awam tetapi juga perbezaan pendapat di antara golongan ulama'. Ini kerana para ulama' tradisional dan '*moderate/modernist scholar*' mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan dengan tahap penglibatan wanita dalam bidang politik. Terdapat ulama' yang berpegang kepada pendapat yang tidak menerima wanita sebagai seorang pemimpin. Sebuah hadis nabi yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari bermaksud:

...tidak akan makmur negara itu yang menjadikan wanita sebagai pemimpin.¹⁰³

Hadith di atas sering digunakan untuk menolak kepimpinan wanita. PAS juga mengambil pegangan untuk tidak membenarkan wanitanya menjadi calon atau wakil rakyat.¹⁰⁴ Zeenath Kausar (1995) memetik daripada Mawdudi menjelaskan, sekiranya tidak ada seorang lelaki yang mempunyai ciri-ciri yang diperlukan untuk dilantik sebagai pemimpin maka wanita juga boleh dilantik.¹⁰⁵ Namun keutamaan masih diberikan kepada kaum lelaki. Beliau beranggapan wanita dari segi fizikal lebih lemah dan mempunyai tanggungjawab reproduksi yang berat. Sekiranya dilantik untuk memimpin maka dibimbangi akan menjadi beban dan mengganggu tugas rumah tangga. Salbiah Ahmad (1994) menjelaskan salah faham tentang peranan wanita di peringkat kepimpinan timbul akibat daripada salah faham tentang maksud *qiwaamah* dalam Surah 4, ayat 34 di dalam AL Quran.¹⁰⁶ Perkataan *qiwaamah* memberi gambaran bahawa kaum lelaki

¹⁰³ Ibid., m.s. 139.

¹⁰⁴ Ibrahim Abu Bakar, "Perbandingan Pemilihan Politik Agama PAS & UMNO", m.s. 128.

¹⁰⁵ Zeenath Kausar, **Women In Feminism and Politics: New Directions Towards Islamisation**, Women's Affairs Secretariat (WAFA), Selangor, IIUM, 1995, m.s. 54.

¹⁰⁶ Salbiah Ahmad, "Religion and Culture: Prohibitive Factors For Women's Participation in Politics", m.s. 49.

bertanggungjawab untuk melindungi kaum wanita tetapi tidak bermakna mereka lebih *superior* atau kaum wanita tidak dapat berperanan sebagai ketua.¹⁰⁷

Menurut Al Mawardi, di antara kriteria yang diperlukan untuk menjadi pemimpin, jantina bukan sebagai ciri yang penting.¹⁰⁸ Meskipun Islam menetapkan tugas utama wanita ialah menjaga rumah tangga tetapi sejarah Islam membuktikan bahawa wanita juga perlu memainkan peranan dalam politik. Al-Turabi dan Yusuf al-Qardawi turut menyokong wanita sebagai golongan yang boleh dilantik memegang jawatan tinggi sama ada di parlimen atau institusi yang lain.¹⁰⁹ Namun Yusof al-Qardawi menegaskan, walaupun memegang jawatan tinggi peranan wanita di rumah tidak harus diabaikan.

Jelasnya terdapat sesetengah pihak tidak menerima wanita untuk memegang jawatan di bahagian kepimpinan tetapi terdapat ulama' lain yang memberikan benarkan. Pokoknya terpulang kepada wanita sebagai individu untuk memainkan peranan dan memberi sumbangan dalam politik. Tetapi sejauhmana mereka diterima dan diberi peluang adalah persoalan yang lebih besar dan tidak dapat diselesaikan oleh wanita itu sendiri.

Bab dua menggunakan konsep legitimasi politik dan diskriminasi politik sebagai asas untuk membincangkan penglibatan wanita dalam politik. Manakala bab tiga pula menyentuh secara langsung tentang konsep budaya masyarakat Melayu yang dilihat memainkan peranan penting untuk mencorak penglibatan wanita dalam bidang ini.


¹⁰⁷ Ibid., m.s. 50.

¹⁰⁸ Rafi Ullah, *Muslim Women In Political Power*, 1993, m.s. 82.

¹⁰⁹ Zeenath Kausar, *Political Participation of Women*, m.s. 31.

Bahkan penulis telah membincangkan bagaimana tanggapan masyarakat Melayu terhadap hubungan gender dan pengaruhnya terhadap proses sosialisasi ahli masyarakat yang meminggirkan kaum wanita. Malah proses emansipasi wanita dan kesedaran kesamarataan lelaki dan wanita dalam masyarakat Melayu banyak dipengaruhi oleh sistem patriarki yang menyebelahi kaum bapak. Secara ringkasnya, hubungkait di antara ketiga-tiga konsep yang dibincangkan dalam bab dua dan tiga adalah seperti berikut:

Rajah 3.1. Kerangka Konsep Yang Mempengaruhi Penglibatan Wanita Dalam Politik



Sumber: Kaji Selidik Penulis (2000)

Kesimpulannya, bab ini membicarakan tentang persoalan gender dan kedudukan wanita dari kacamata masyarakat Melayu. Sistem gender dalam masyarakat Melayu menunjukkan ketidaksamaan di antara kaum lelaki dan wanita. Struktur budaya masyarakat ini mengutamakan peranan dan hak kaum wanita di rumah sebagai ibu dan isteri. Bagi masyarakat Melayu, kedudukan kaum lelaki adalah lebih dominan daripada

wanita. Struktur yang berbentuk patriaki ini telah memberi ‘kebenaran’ untuk kaum lelaki menguasai wanita dalam semua perkara. Ketidaksamaan hubungan gender dalam masyarakat Melayu ini kemudiannya telah diterimapakai ke dalam bidang-bidang awam seperti politik yang menyebabkan kaum lelaki menikmati kedudukan yang lebih *superior* daripada wanita. Ideologi hubungan gender ini diperkuatkan lagi melalui institusi keluarga. Institusi keluarga memainkan peranan cukup penting untuk menetap dan memberi penakrifan tentang peranan yang perlu dimainkan oleh lelaki dan wanita. Proses sosial yang berlaku dalam institusi keluarga kemudiannya akan digunapakai dalam bidang lain termasuk dalam bidang pekerjaan dan pendidikan.